



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**MENYULAM KEMULIAAN DALAM KESEDERHANAAN**

**Tarikh Dibaca:**

**26 RABIULAWAL 1447H /  
19 SEPTEMBER 2025**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## MENYULAM KEMULIAAN DALAM KESEDERHANAAN

19 SEPTEMBER 2025 / 26 RABIULAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ  
عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعِ الرَّسُولَ  
مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ

اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرُءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٣﴾ ﴿البقرة [143]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: '**Menyulam Kemuliaan Dalam Kesederhanaan**'.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru saudara-saudara sekalian untuk terus bermunajat dan memohon pertolongan kepada Allah SWT agar memberi pertolongan

kepada penduduk Palestin yang dianiaya teruk oleh rejim zionis Israel. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita melainkan dengan mengharapkan pertolongan dan kekuatan Allah SWT jua.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,**

Islam ialah satu cara hidup yang berlandaskan kesederhanaan dan keseimbangan. Dalam setiap sudutnya, ada hikmah titik pertengahan yang perlu difahami dan dihayati. Inilah yang jelas dipaparkan dalam firman Allah SWT yang menjadi mukadimah khutbah, menerusi Surah al-Baqarah ayat 143, bermaksud:

*“Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) sebagai umat yang pertengahan (ummatan wasata), agar kamu menjadi saksi ke atas sekalian manusia, dan Rasul (Nabi Muhammad SAW) pula menjadi saksi ke atas kamu. Dan Kami tidak menjadikan kiblat yang engkau menghadapnya dahulu, melainkan sebagai ujian untuk Kami mengetahui siapakah yang benar-benar mengikuti Rasul dan siapa pula yang berpaling. Dan sesungguhnya (perubahan arah kiblat itu) amat berat kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah. Dan Allah tidak akan mensia-siakan iman kamu (solat kamu yang dahulu menghadap ke Baitulmaqdis). Sesungguhnya Allah Maha Belas Kasihan lagi Maha Penyayang terhadap manusia”.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Menurut para mufassir antaranya Imam al-Tabari dan Ibn Kathir, maksud *ummatan wasata* ialah umat yang adil, seimbang, tidak melampau dalam agama dan tidak cuai terhadap tanggungjawab syariat. Umat Islam dijadikan sebaik-baik umat kerana membawa pendekatan yang menyatukan antara dunia dan akhirat, jasmani dan rohani, serta ilmu dan amal. Justeru, mereka layak menjadi saksi kepada umat lain.

Konsep wasatiah ini mengajar kita untuk menjauhi sikap *‘ghuluw’* -melampau atau *‘tafrit’* - terlalu bermudah-mudah. Ia bukan sekadar prinsip, tetapi asas dalam semua aspek kehidupan: akidah, ibadah, muamalah, pergaulan dan juga dalam menyampaikan dakwah.

Namun malangnya, hari ini kita melihat terlalu banyak pertelagahan berlaku dalam kalangan umat Islam. Bercakap dengan kasar, menuduh tanpa ilmu, menyalahkan

sesama sendiri bahkan memperlekehkan orang yang tidak sependapat. Sebahagiannya datang daripada golongan terpelajar, agamawan para asatizah, juga pengguna media sosial yang ghairah menghukum. Adakah ini cerminan sebenar umat yang dijanjikan sebagai umat pertengahan? Adakah ini wajah agama yang disifatkan oleh Rasulullah SAW?

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَأَبْشِرُوا

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya agama ini mudah. Dan tidaklah seseorang yang memberatkan dirinya dalam agama melainkan dia akan dikalahkan olehnya. Maka berlaku luruslah (tepat pada syariat), dekatkanlah diri (dengan kemampuan), serta bergembiralah (dengan janji Allah)*”.

Hadis ini menunjukkan kepada kita bahawa kesederhanaan bukan kelemahan, tetapi tanda kematangan iman. Kita bukan diajar menjadi jumud tanpa pendirian, dan bukan pula melampau hingga mencetuskan kebencian. Wasatiah menuntut kita memahami, berdialog dengan adab, menegur dengan kasih sayang, dan menyatukan umat dalam hikmah. Inilah titik pertengahan yang menjadi neraca kemuliaan umat ini.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,**

Perbezaan pandangan dalam kalangan ulama bukan perkara baharu. Bahkan para sahabat Nabi SAW sendiri berbeza pandangan dalam beberapa isu, namun mereka tetap menjaga adab, ukhuwah dan tidak saling menghina. Lihatlah bagaimana para ilmuwan Islam semisal Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal saling menghormati perbezaan. Inilah wasatiah dalam berbeza, bukan menyerang dan mencela.

Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nisaa' ayat 135:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ  
 وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن  
 تَلَوْتُمْ أَوْ نَسِيتُمْ آيَاتَ اللَّهِ كَانِ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Kita perlu berlaku adil walaupun terhadap diri sendiri. Jangan mudah menyebarkan tuduhan serta memusuhi saudara seislam hanya kerana perbezaan kecil. Kembalilah kepada prinsip wasatiyah, sentiasa mengambil hikmah titik pertengahan, dan menjadikan kesederhanaan sebagai jalan untuk membina masyarakat yang aman, berilmu dan saling menghormati. Seajar tuntutan itu, berikut perincian tindakan yang perlu kita lakukan;

**Pertama**, membangun kefahaman agama secara seimbang. Umat Islam perlu kembali kepada sumber ilmu yang sahih; al-Quran dan al-Sunnah, dengan bimbingan para ulama yang muktabar. Kefahaman agama yang benar akan mencegah sikap melampau dan kelalaian.

**Kedua**, menyemai akhlak ketika berbeza pandangan. Perbezaan bukan alasan untuk bermusuhan. Kita diajar beradab dalam perbezaan: tidak melabel, tidak memfitnah, dan tidak menjatuhkan maruah.

**Ketiga**, Mengamalkan pendekatan rahmah, hikmah dan kasih sayang dalam dakwah, politik dan kehidupan.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Menutup bicara khutbah hari ini, khatib ingin meninggalkan beberapa pesanan;

**Pertama:** Bersederhanalah, itu lebih dekat dengan didikan Rasulullah SAW. Kesederhanaan itu sebaris dengan keadilan yang menjadi dambaan setiap insan. Ia menyemai keharmonian dan menyulam kemuliaan.

**Kedua:** Kesederhanaan bukan kelemahan. Bahkan membina kekuatan. Ia neraca yang mengimbangi sikap melampau yang mengundang pergelutan dan sikap sambil lewa yang membawa kegagalan.

**Ketiga:** Islam agama rahmat yang menyantuni umat manusia, apatah lagi sesama insan beriman. Bukankan kita semua bersaudara? Sungguh, kesederhanaan membawa syiar rahmat dan mengundang kasih Allah SWT.

Renungi firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾ ﴾

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudaramu yang berselisih, dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا  
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالَيْسُورِي ائْخُوغْ، رَاغْ  
زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.